Nama Murid : _____

BAHASA MELAYU TAHUN 6					
MINGGU	14	**TARIKH**	**21 April 2026**	**KELAS**	**6IBK**
		HARI	**Selasa**	**MASA**	**11.30-12.30**
Tema	**Tema 3: Keselamatan**				
Topik	**Unit 9: Waspada Fenomena Alam**				
Tajuk	**Kempen Sekolah Selamat (Halaman 69)**				
Standard Kandungan	3.3 Menghasilkan penulisan.				
Standard Pembelajaran	3.3.1 Menghasilkan penulisan berformat, dan tidak berformat secara koheren dan kohesi.				
Objektif Pembelajaran	Pada akhir pdpc, murid dapat : i. menulis sebuah perenggan penulisan secara koheren dan kohesi menggunakan sekurang-kurangnya 3 penanda wacana dengan tepat.				

Arahan:

*Lengkapkan petikan **karangan 1 perenggan** di bawah mengenai persediaan menghadapi fenomena alam semasa Kempen Sekolah Selamat. Gunakan **Penanda Wacana (Kohesi)** yang disediakan di dalam kotak untuk memastikan kesinambungan idea yang mantap.*

Pilihan jawapan : Penanda Wacana

- *Oleh hal yang demikian* • *Selain itu* • *Akhir sekali* • *Seterusnya*

Kempen Sekolah Selamat telah dilancarkan untuk memastikan semua warga sekolah sentiasa berwaspada terhadap fenomena alam seperti hujan lebat dan angin kencang. Antara aktiviti utama kempen ini termasuklah pemeriksaan struktur bangunan sekolah dan pokok-pokok tua di sekitar padang. (1)_____, pihak sekolah telah meletakkan papan tanda amaran di kawasan berisiko tinggi seperti di laluan yang licin dan berhampiran longkang besar. Langkah ini penting bagi mengelakkan murid-murid tergelincir ketika waktu hujan. (2)_____, taklimat keselamatan juga diberikan oleh pihak guru semasa perhimpunan rasmi. Murid-murid diingatkan supaya tidak bermain di luar kelas sekiranya guruh dan petir mula kelihatan. (3)_____, para pengawal keselamatan turut memperketat kawalan di pintu pagar utama semasa waktu pulang bagi memastikan murid diambil oleh ibu bapa dalam keadaan selamat. (4)_____, kempen ini berjaya memupuk kesedaran yang tinggi dalam kalangan murid agar sentiasa mengutamakan keselamatan diri walau di mana-mana sahaja mereka berada.

LIVEWORKSHEETS